



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**RAYUAN TERHADAP
SESUATU TAKSIRAN DAN
PERMOHONAN RELIF**

KETETAPAN UMUM NO. 7/2020

TARIKH PENERBITAN: 7 OKTOBER 2020



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**RAYUAN TERHADAP SESUATU
TAKSIRAN DAN PERMOHONAN RELIF**

**Ketetapan Umum No. 7/2020
Tarikh Penerbitan: 7 Oktober 2020**

Diterbitkan oleh

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Edisi ketiga

Edisi kedua pada 29 Disember 2017

Edisi pertama pada 22 Oktober 2015

© 2020 oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Semua hak cipta terpelihara ke atas Ketetapan Umum ini adalah milik Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Satu salinan cetak atau elektronik boleh dibuat untuk kegunaan peribadi. Firma dan persatuan profesional dibenarkan untuk menggunakan Ketetapan Umum ini untuk tujuan latihan sahaja. Penerbitan semula secara sistemik atau berganda, pengedaran ke pelbagai lokasi melalui elektronik atau cara lain, duplikasi apa-apa bahan dalam Ketetapan Umum ini untuk bayaran atau tujuan komersil, atau pengubahsuaian kandungan Ketetapan Umum adalah dilarang sama sekali.



KANDUNGAN	Muka surat
1. Objektif	1
2. Peruntukan Undang-Undang Berkaitan	1
3. Tafsiran	1
4. Hak Rayuan dan Masa untuk Membuat Rayuan	1
5. Rayuan bagi Kes Perkongsian	9
6. Rayuan Melibatkan Permohonan untuk Rundingan di bawah Prosedur Persetujuan Bersama (<i>Mutual Agreement Procedure</i>)	9
7. Prosedur Rayuan (Borang Q)	9
8. Alasan untuk Rayuan	10
9. Prosedur Rayuan yang Lewat (Borang N)	10
10. Semakan Semula Taksiran	12
11. Penyelesaian Rayuan di Peringkat LHDNM	13
12. Perwakilan	13
13. Semakan Taksiran Melalui Permohonan Relif	13
14. Prosedur Permohonan Relif	17
15. Perbandingan Layanan Rayuan dan Permohonan Relif	18
16. Kemaskini dan Pindaan	18
Lampiran 1	19



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**RAYUAN TERHADAP SESUATU
TAKSIRAN DAN PERMOHONAN RELIF**

**Ketetapan Umum No. 7/2020
Tarikh Penerbitan: 7 Oktober 2020**

KETETAPAN UMUM KETUA PENGARAH

Seksyen 138A Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP) memperuntukkan bahawa Ketua Pengarah mempunyai kuasa untuk membuat Ketetapan Umum berkenaan dengan pemakaian mana-mana peruntukan dalam ACP.

Ketetapan Umum diterbitkan sebagai panduan kepada orang awam dan pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Ia menggariskan tafsiran Ketua Pengarah berhubung peruntukan tertentu undang-undang cukai dan polisi serta prosedur yang terpakai mengenainya.

Ketua Pengarah boleh menarik balik, sama ada keseluruhan atau sebahagian daripada Ketetapan Umum ini melalui notis penarikan balik atau dengan penerbitan Ketetapan Umum yang baharu.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**

1. Objektif

Objektif Ketetapan Umum (KU) ini adalah untuk menerangkan:

- 1.1 prosedur berhubung rayuan dan permohonan relif selari dengan peruntukan Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP); dan
- 1.2 prosedur pengendalian rayuan Borang Q dan Borang N.

2. Peruntukan Undang-Undang Berkaitan

- 2.1 KU ini mengambil kira undang-undang yang sedang berkuat kuasa pada tarikh KU ini diterbitkan.
- 2.2 Peruntukan ACP yang berkaitan dengan KU ini adalah seksyen 97A, 99, 99(1A), 100, 101, 102, 131, 131A dan 132.

3. Tafsiran

Perkataan yang digunakan dalam KU ini mempunyai maksud berikut:

- 3.1 "Ejen cukai" bermaksud mana-mana akauntan profesional atau mana-mana orang yang diluluskan oleh Menteri Kewangan.
- 3.2 "Notis taksiran" bermaksud taksiran anggaran di bawah subseksyen 90(3) atau 91(1) ACP, taksiran, taksiran tambahan, taksiran disifatkan, notis pemberitahuan tidak kena cukai (NPTKC) (seksyen 97A ACP), notis tuntutan bayaran balik (seksyen 111 ACP) dan taksiran pendahuluan (seksyen 92 ACP).
- 3.3 "Orang" termasuk suatu syarikat, suatu kumpulan orang, suatu perkongsian liabiliti terhad dan suatu perbadanan tunggal.
- 3.4 "Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan" (PKCP) dan "Setiausaha kepada PKCP" merujuk kepada Pesuruhjaya Khas dan Setiausaha yang dilantik di bawah seksyen 98 ACP.
- 3.5 "Rayuan" bermaksud suatu rayuan terhadap suatu taksiran.

4. Hak Rayuan dan Masa untuk Membuat Rayuan

- 4.1 Seksyen 99 ACP memperuntukkan bahawa seseorang yang tidak berpuas hati dengan sesuatu taksiran yang telah dibuat untuk mana-mana tahun taksiran (TT) ke atasnya oleh Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri (KPHDN) berhak merayu terhadap taksiran itu.

4.2 Walau bagaimanapun, peruntukan seksyen 99 ACP ini adalah tidak terpakai terhadap kes-kes berikut:

4.2.1 taksiran disifatkan di bawah subseksyen 90(1) ACP; atau

4.2.2 taksiran disifatkan bagi Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP) terpinda di bawah seksyen 91A ACP;

melainkan pembayar cukai tidak bersetuju dengan layanan cukai di dalam KU atau pendirian, ketetapan dan amalan semasa KPHDN pada masa taksiran itu dibuat. Contoh pendirian, ketetapan dan amalan adalah seperti berikut:

(a) surat ketetapan persendirian atau ketetapan awal;

(b) garis panduan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM);

(c) kes-kes yang diputuskan oleh PKCP dan mahkamah; atau

(d) kenyataan bertulis lain.

4.3 Oleh itu, seksyen 99 ACP hanya terpakai untuk rayuan terhadap notis taksiran yang dibuat untuk mana-mana TT bagi kes-kes seperti dinyatakan di bawah:

4.3.1 taksiran / taksiran tambahan / taksiran pendahuluan / NPTKC yang dibuat oleh KPHDN hasil daripada penemuan audit atau siasatan;

4.3.2 taksiran anggaran yang dibuat tanpa BNCP atau BNCP lewat dikemukakan iaitu di luar tempoh yang ditetapkan di bawah subseksyen 90(3) ACP atau taksiran anggaran di bawah subseksyen 91(1) ACP; atau

4.3.3 taksiran disifatkan atau taksiran disifatkan untuk BNCP terpinda di mana pembayar cukai tidak bersetuju dengan layanan cukai yang dinyatakan di dalam KU atau pendirian, ketetapan dan amalan KPHDN yang terdapat pada masa semasa taksiran itu dibuat.

4.4 Seksyen 99 ACP juga tidak terpakai bagi suatu taksiran komposit yang diperuntukkan dalam seksyen 96A ACP kerana taksiran dikeluarkan selepas persetujuan antara pembayar cukai dan KHPDN telah dicapai.

4.5 Rayuan Terhadap Taksiran / Taksiran Tambahan

Rayuan hendaklah dibuat dengan mengemukakan Borang Q tidak lewat dari tiga puluh (30) hari selepas notis taksiran diserahkan sepertimana yang diperuntukkan di bawah subseksyen 99(1) ACP.

Contoh 1

Sarah merupakan seorang guru, telah mengemukakan BNCP bagi TT 2019 pada 2.5.2020. Taksiran tambahan bagi TT 2019 dibuat oleh KPHDN pada 10.9.2020 berdasarkan penemuan audit luar dan notis taksiran tambahan telah diserahkan pada 15.9.2020.

Sarah boleh membuat rayuan terhadap taksiran tambahan tersebut jika beliau tidak berpuas hati dengan taksiran yang telah dibuat oleh KPHDN dengan mengemukakan Borang Q tidak lewat daripada 15.10.2020.

Contoh 2

Syarikat Alpha Sdn Bhd menjalankan aktiviti perniagaan pengilangan dan menutup akaun kewangannya pada 31 Disember setiap tahun. Selain daripada itu, Syarikat Alpha Sdn Bhd mempunyai pendapatan faedah dan sewa. Syarikat mengemukakan BNCP bagi TT 2019 pada 15.6.2020. Syarikat Alpha Sdn Bhd mematuhi semua KU namun tidak bersetuju dengan layanan cukai ke atas perbelanjaan faedah seperti yang dinyatakan dalam KU No. 2/2011.

Menurut subseksyen 90(2) ACP, notis taksiran yang disifatkan dianggap telah diserahkan kepada Syarikat Alpha Sdn Bhd pada 15.6.2020. Memandangkan syarikat tidak bersetuju dengan layanan cukai ke atas perbelanjaan faedah seperti yang dinyatakan di dalam KU No. 2/2011, Syarikat Alpha Sdn Bhd boleh membuat rayuan terhadap taksiran untuk TT 2019 dengan mengemukakan Borang Q tidak lewat dari 15.7.2020.

4.6 Rayuan Terhadap Taksiran Kurangan

Taksiran kurangan tidak tertakluk di bawah tafsiran 'taksiran' di bawah seksyen 2 ACP yang mana ianya tidak boleh dirayu di bawah seksyen 99 ACP. Walau bagaimanapun, rayuan boleh dibuat ke atas taksiran kurangan yang dikeluarkan berdasarkan suatu taksiran yang dipinda sekiranya terdapat isu yang tidak dipersetujui oleh pembayar cukai dalam pindaan taksiran tersebut.

Contoh 3

Hamzah Dollah Sdn Bhd merupakan pengilang sarung tangan dan menutup akaun kewangannya pada 31 Disember setiap tahun. Syarikat telah diluluskan Elaun Cukai Pelaburan (ECP) berkaitan produk yang digalakkan untuk tempoh lima (5) tahun. Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) telah menetapkan tarikh kuat kuasa ECP pada 20.5.2017 melalui surat yang bertarikh 1.4.2018. Perbelanjaan modal yang layak yang telah dilakukan oleh syarikat pada tahun 2017 adalah RM 2,000,000.

Syarikat telah diaudit oleh LHDNM pada 31.1.2019 bagi BNCP untuk TT 2017. Perbelanjaan yang dituntut berjumlah RM100,000 tidak dibenarkan. MIDA telah mengeluarkan surat pematuhan pada 12.2.2019 bagi membolehkan syarikat menuntut ECP.

Apabila pelarasan audit dibuat, perbelanjaan ECP yang tidak dituntut berjumlah RM2,000,000 adalah melebihi amaun pelarasan lain yang ditambah balik dalam pengiraan cukai dan taksiran kurangan telah dikeluarkan.

Syarikat boleh membuat rayuan ke atas taksiran kurangan yang dikeluarkan bagi TT 2017 sekiranya tidak bersetuju dengan isu penemuan audit.

4.7 Rayuan terhadap Taksiran Pendahuluan

Subseksyen 99(1) ACP memperuntukkan rayuan terhadap taksiran pendahuluan hendaklah dibuat dalam tempoh tiga (3) bulan pertama daripada TT berikutnya mengikut TT di mana taksiran tersebut telah dibuat (atau dalam tempoh masa yang dilanjutkan termasuklah hari dan bulan yang dibenarkan di bawah seksyen 100 ACP).

Contoh 4

En Daud telah menamatkan perniagaan milikan tunggalnya pada 30.6.2019. Akaun terakhir yang disediakan adalah bagi tempoh 1.1.2019 sehingga 30.6.2019. Taksiran pendahuluan bagi TT 2019 telah dikeluarkan oleh DGIR pada 13.8.2019 untuk punca pendapatan perniagaan milikan tunggal En Daud dan telah diserahkan pada 20.8.2019.

Taksiran pendahuluan telah dibuat bagi TT 2019 dan TT berikutnya adalah TT 2020. Oleh itu, rayuan terhadap taksiran 2019 hendaklah dibuat tidak lewat daripada 31.3.2020.

4.8 Rayuan Terhadap Taksiran Anggaran di bawah Subseksyen 90(3) ACP

4.8.1 Mulai TT 2019, subseksyen 99(1A) ACP memperuntukkan sekiranya taksiran anggaran telah dibuat di bawah subseksyen 90(3) ACP terhadap suatu syarikat, perkongsian liabiliti terhad, badan amanah atau koperasi yang gagal mengemukakan BNCP mengikut peruntukan subseksyen 77A(1) ACP, rayuan terhadap taksiran anggaran tersebut hendaklah dibuat dengan mengemukakan Borang Q bersama-sama BNCP bagi tahun-tahun taksiran terlibat tidak lewat dari tiga puluh (30) hari selepas notis taksiran diserahkan.

Contoh 5

Syarikat LMN Sdn Bhd yang menutup akaun kewangannya pada 31 Disember setiap tahun dan tidak mengemukakan BNCP bagi TT 2019.

Taksiran anggaran di bawah subseksyen 90(3) ACP telah dibuat oleh audit meja pada 21.8.2020 dan diserahkan kepada syarikat pada 25.8.2020.

LMN Sdn Bhd boleh membuat rayuan terhadap taksiran anggaran tersebut jika cukai yang dibuat oleh KPHDN adalah melebihi cukai sepatutnya dengan mengemukakan Borang Q dan BNCP bagi TT 2019 tidak lewat dari 24.9.2020.

- 4.8.2 Peruntukan subseksyen 99(1A) ACP hanya terpakai terhadap rayuan taksiran anggaran di bawah subseksyen 90(3) ACP yang dibuat ke atas syarikat, perkongsian liabiliti terhad, badan amanah atau koperasi.
- 4.8.3 Sekiranya taksiran anggaran di bawah subseksyen 90(3) ACP telah dibuat terhadap orang selain daripada suatu syarikat, perkongsian liabiliti terhad, badan amanah atau koperasi, rayuan terhadap taksiran anggaran tersebut hendaklah dibuat dengan mengemukakan Borang Q tidak lewat dari tiga puluh (30) hari selepas notis taksiran diserahkan sepertimana yang diperuntukkan di bawah subseksyen 99(1) ACP.

Contoh 6

Marina seorang pekerja yang menerima pendapatan penggajian dan tidak mengemukakan BNCP bagi TT 2019. Taksiran anggaran telah dibuat oleh KPHDN dan notis taksiran anggaran telah diserahkan pada 15.10.2020.

Marina boleh membuat rayuan terhadap taksiran anggaran tersebut jika cukai yang dibuat oleh KPHDN adalah melebihi cukai sepatutnya dengan mengemukakan Borang Q tidak lewat dari 14.11.2020. Marina hendaklah mengemukakan BNCP bagi TT 2019 selepas pengemukaan Borang Q tersebut sekiranya diminta oleh KPHDN bagi tujuan semakan.

4.9 Rayuan Terhadap Kes Tidak Kena Cukai

- 4.9.1 Menurut subseksyen 97A(1A) dan 97A(2) ACP, rayuan boleh dibuat oleh seseorang dalam keadaan seperti berikut:
 - (a) BNCP telah dikemukakan
 - (i) Dalam tempoh yang ditetapkan

Sekiranya seseorang yang tiada pendapatan bercukai dan telah mengemukakan BNCP mengikut tempoh yang ditetapkan oleh seksyen 77(1) atau 77A(1) ACP bagi suatu

TT, BNCP yang dikemukakan adalah disifatkan sebagai suatu pemberitahuan yang dibuat oleh KPHDN kepada orang tersebut pada tarikh BNCP tersebut dikemukakan. Sekiranya dia tidak berpuas hati dengan layanan cukai yang dinyatakan dalam mana-mana KU atau apa-apa pendirian, ketetapan dan amalan yang dibuat oleh KPHDN, dia boleh membuat rayuan terhadap pemberitahuan yang disifatkan itu dalam tempoh tiga puluh (30) hari daripada tarikh dia dimaklumkan.

Contoh 7

Faz Sdn Bhd menutup akaun kewangannya pada 31 Disember setiap tahun. Syarikat telah mengemukakan BNCP bagi TT 2019 pada 30.6.2020. Syarikat mengisytiharkan dua (2) punca pendapatan bagi TT 2019 iaitu pendapatan faedah dan kerugian daripada perniagaan. Syarikat tidak mempunyai pendapatan bercukai kerana amaun kerugian tahun semasa lebih besar daripada pendapatan faedah.

BNCP yang dikemukakan dianggap sebagai pemberitahuan yang dibuat oleh KPHDN pada 30.6.2020. Faz Sdn Bhd mematuhi semua KU yang berkaitan namun tidak bersetuju dengan layanan cukai tertentu yang dinyatakan dalam KU No. 2/2011. Syarikat berhasrat untuk merayu kepada PKCP.

Rayuan kepada PKCP hendaklah dikemukakan oleh syarikat melalui Borang Q tidak lewat daripada 30.7.2020.

(ii) Di luar tempoh yang ditetapkan

Sekiranya seseorang yang tiada pendapatan bercukai telah mengemukakan BNCP tidak mengikut tempoh yang ditetapkan oleh seksyen 77(1) atau 77A(1) ACP orang itu tidak layak untuk membuat rayuan di bawah seksyen 97A ACP.

Contoh 8

Fakta adalah sama seperti di Contoh 7 kecuali Faz Sdn Bhd hanya dapat mengemukakan BNCP bagi TT 2019 pada 30.9.2020. Oleh kerana BNCP dikemukakan di luar tempoh, Faz Sdn Bhd tidak layak untuk membuat rayuan kepada PKCP di bawah seksyen 97A ACP.

(b) BNCP tidak perlu dikemukakan

Dalam kes di mana seseorang individu tidak perlu mengemukakan BNCP bagi sesuatu TT di bawah subseksyen 77(1) ACP tetapi berhasrat untuk merayu terhadap layanan cukai yang dinyatakan dalam KU atau apa-apa pendirian, ketetapan dan amalan yang dibuat oleh KPHDN, orang itu hendaklah mengemukakan BNCP bagi TT tersebut dan mengemukakan rayuan secara bertulis kepada PKCP dalam tempoh tiga puluh (30) hari selepas pengemukaan BNCP atau penerimaan NPTKC.

Contoh 9

Encik Ganeson, seorang pemilik perniagaan milikan tunggal memulakan perniagaan kedai runcit pada 1.2.2016 dan menutup akaun kewangannya pada 31 Disember setiap tahun. Beliau tidak mempunyai pendapatan bercukai bagi TT 2016 sehingga TT 2018. Sebagai pembayar cukai individu, beliau tidak perlu mengemukakan BNCP bagi tiga (3) TT tersebut. En Ganeson mematuhi semua KU yang berkaitan dalam penyediaan pengiraan cukai bagi tiga (3) TT tersebut walaupun tidak bersetuju dengan layanan cukai tertentu yang dinyatakan dalam KU No. 4/2012.

Encik Ganeson berhasrat untuk merayu kepada PKCP. Encik Ganeson mengemukakan BNCP bagi TT 2016, TT 2017 dan TT 2018 pada 30.6.2019.

BNCP yang dikemukakan oleh Encik Ganeson adalah disifatkan sebagai NPTKC di bawah subseksyen 97A(1A) ACP. Encik Ganeson boleh mengemukakan rayuan kepada PKCP bagi TT 2016 sehingga TT 2017 tidak lewat dari 30.7.2019.

(c) Kes audit

Dalam kes di mana hasil keputusan daripada audit cukai menunjukkan bahawa:

- (i) tiada taksiran bagi sesuatu TT perlu dibuat kerana tiada pendapatan larasan, pendapatan berkanun, pendapatan agregat atau tiada jumlah pendapatan atau ada pendapatan tetapi pendapatan tersebut dikecualikan di bawah ACP atau Akta Penggalakan Pelaburan 1986 (APP); atau

- (ii) taksiran bagi sesuatu TT telah dibuat ke atas orang itu tetapi orang itu tiada pendapatan berkanun daripada punca perniagaan;

satu pemberitahuan bertulis akan dikeluarkan oleh LHDNM mengenai:

- a. tiada taksiran perlu dibuat bagi sesuatu TT dan pengiraan yang berkaitan dengannya bagi subperenggan 4.9.1(c)(i) KU ini; atau
- b. pelarasan yang dibuat berkaitan pendapatan berkanun daripada punca perniagaan dan pengiraan berkaitan dengannya bagi subperenggan 4.9.1(c)(ii) KU ini.

Sebarang rayuan kepada PKCP ke atas pemberitahuan tersebut hendaklah dikemukakan dalam tempoh tiga puluh (30) hari selepas pemberitahuan tersebut diserahkan kepadanya.

Contoh 10

Evergrow Sdn Bhd menjalankan aktiviti perniagaan pengilangan sejak 1.2.2011 dan menutup akaun kewangannya pada 31 Disember setiap tahun. Syarikat melaporkan pendapatan faedah dan kerugian perniagaan untuk TT 2019. Syarikat tidak mempunyai pendapatan bercukai kerana amaun kerugian tahun semasa lebih besar daripada pendapatan faedah. Syarikat juga telah menuntut Elaun Pelaburan Semula (EPS) ke atas perbelanjaan yang layak berjumlah RM500,000.

Evergrow Sdn Bhd telah mengemukakan BNCP bagi TT 2019 kepada KPHDN pada 29.7.2020. Syarikat diaudit oleh LHDNM pada 13.3.2021. Hasil daripada penemuan audit tersebut, pelarasan telah dibuat ke atas pengiraan EPS, akan tetapi syarikat masih tidak mempunyai pendapatan bercukai. NPTKC berserta pengiraan pelarasan EPS bagi TT 2019 diserahkan kepada Syarikat Evergrow Sdn Bhd pada 10.6.2021.

Evergrow Sdn Bhd tidak bersetuju dengan pelarasan EPS yang dibuat dan berhasrat untuk mengemukakan rayuan kepada PKCP.

Syarikat Evergrow Sdn Bhd boleh mengemukakan rayuan kepada PKCP untuk TT 2019 dengan menggunakan NPTKC yang mengandungi pengiraan pelarasan EPS. Syarikat Evergrow Sdn Bhd hendaklah mengemukakan rayuan kepada

PKCP dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh NPTKC diserahkan, iaitu tidak lewat dari 10.7.2021.

5. Rayuan bagi Kes Perkongsian

Bagi rayuan dalam kes perkongsian, hanya satu (1) rayuan yang perlu dikemukakan jika isu pertikaian adalah sama bagi setiap ahli kongsi. Apa jua keputusan, sama ada di peringkat PKCP, Mahkamah Tinggi, Mahkamah Rayuan atau Mahkamah Persekutuan adalah terpakai kepada semua ahli kongsi dalam perkongsian tersebut.

6. Rayuan Melibatkan Permohonan untuk Rundingan di bawah Prosedur Persetujuan Bersama (*Mutual Agreement Procedure*)

6.1 Berkuatkuasa mulai 24 Januari 2014, subseksyen 102(1A) ACP membenarkan penangguhan pengemukaan Borang Q kepada PKCP sekiranya orang yang membuat rayuan (perayu) telah memohon untuk mengadakan resolusi di bawah Prosedur Persetujuan Bersama (*Mutual Agreement Procedure*) dengan Pihak Berkuasa Berwibawa (*Competent Authority*). Pengemukaan Borang Q tidak akan dipanjangkan kepada PKCP sehingga proses Prosedur Persetujuan Bersama (*Mutual Agreement Procedure*) dimuktamadkan.

6.2 Sekiranya perayu tidak bersetuju dengan keputusan Prosedur Persetujuan Bersama (*Mutual Agreement Procedure*), perayu perlu mengemukakan surat permohonan kepada KPHDN untuk memanjangkan Borang Q kepada PKCP dalam tempoh tiga puluh (30) hari daripada tarikh surat pemakluman keputusan rundingan dari Prosedur Persetujuan Bersama (*Mutual Agreement Procedure*) diterima daripada Pihak Berkuasa Berwibawa (*Competent Authority*). KPHDN akan mengemukakan permohonan pembayar cukai kepada PKCP dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh penerimaan surat permohonan tersebut.

6.3 KPHDN tidak akan memanjangkan Borang Q kepada PKCP sekiranya tidak menerima surat permohonan daripada perayu.

6.4 Sekiranya perayu bersetuju dengan keputusan Prosedur Persetujuan Bersama (*Mutual Agreement Procedure*), perayu perlu mengemukakan surat permohonan untuk membatalkan Borang Q dalam tempoh 30 hari dari tarikh keputusan Prosedur Persetujuan Bersama (*Mutual Agreement Procedure*) diterima.

7. Prosedur Rayuan (Borang Q)

7.1 Perayu hendaklah mengemukakan empat (4) salinan Borang Q bagi setiap TT dan perlu memastikan sekurang-kurangnya satu (1) salinan Borang Q adalah salinan asal manakala tiga (3) salinan lagi boleh difotokopi.

- 7.2 Borang Q dan lampiran (jika ada) yang dikemukakan oleh perayu tidak boleh dikepikan bersama-sama dengan dokumen lain. Borang Q yang lengkap berserta dengan alasan hendaklah dikemukakan ke cawangan LHDNM yang mengendalikan fail cukai pendapatan perayu. Borang Q boleh dimuat turun dan dicetak daripada laman web LHDNM di alamat <http://www.hasil.gov.my>.
- 7.3 Borang Q yang lengkap hendaklah mengandungi maklumat berikut:
- 7.3.1 tarikh dan amaun cukai yang kena dibayar (amaun cukai yang kena dibayar adalah merujuk kepada notis taksiran yang dipertikaikan);
 - 7.3.2 alasan rayuan secara terperinci dan mengandungi maklumat lain yang diperlukan oleh borang itu; dan
 - 7.3.3 Borang Q mesti ditandatangani oleh perayu iaitu orang yang ditaksir dan dikenakan cukai. Bagi kes syarikat dan perkongsian liabiliti terhad, Borang Q hendaklah ditandatangani, masing-masing oleh orang yang diberi kuasa di bawah seksyen 75 dan 75B ACP.
- 7.4 Borang Q tidak boleh ditandatangani oleh ejen cukai atau peguam.
- 7.5 Borang Q yang tidak lengkap hendaklah dikembalikan kepada perayu.

8. Alasan untuk Rayuan


- 8.1 Perayu hendaklah menyatakan alasan mengapa dia tidak bersetuju dengan notis taksiran. Perayu tidak perlu mengemukakan dokumen sokongan bersama-sama Borang Q melainkan bagi rayuan terhadap taksiran anggaran di bawah Subseksyen 90(3) ACP seperti yang dinyatakan di perenggan 4.8.1. Namun, sekiranya perlu, KPHDN boleh meminta perayu untuk mengemukakan dokumen sokongan berkaitan semasa menyemak Borang Q.
- 8.2 Perayu hendaklah mengemukakan bukti berkaitan dengan pendirian, ketetapan dan amalan KPHDN yang tidak dipersetujui bersama-sama dengan Borang Q.

9. Prosedur Rayuan Lewat (Borang N)

- 9.1 Bagi rayuan yang tidak dikemukakan dalam tempoh yang ditetapkan, permohonan lanjutan masa untuk merayu boleh dibuat melalui Borang N.
- 9.2 Perayu perlu mengemukakan alasan yang kukuh bagi permohonan lanjutan masa. Salah satu alasan yang boleh dipertimbangkan adalah keadaan di luar kawalan perayu contohnya: perayu telah dimasukkan ke hospital bagi suatu tempoh yang panjang, berada di luar negara, mangsa kepada bencana alam atau sebab-sebab lain yang munasabah dan sah.

- 9.3 Mulai tahun taksiran 2020, seksyen 100 ACP memperuntukkan perayu hendaklah mengemukakan Borang N kepada KPHDN dalam tempoh 7 tahun dari tempoh 30 hari selepas notis taksiran diserahkan. Peruntukan ini hanya terpakai mulai TT 2020 dan seterusnya.

Contoh 11



Notis bagi TT 2020 diserahkan pada 1.8.2021. Tarikh akhir pengemukaan Borang N adalah pada 30.8.2028 iaitu 7 tahun dari tempoh 30 hari selepas tarikh notis taksiran diserahkan.

Contoh 12

Syarikat QRS Sdn Bhd menjalankan aktiviti perniagaan pengangkutan dan menutup akaun kewangannya pada 31 Disember setiap tahun. Syarikat telah diaudit oleh LHDNM pada 30.9.2021 dan taksiran tambahan bagi TT 2019 dan TT 2020 telah diserahkan kepada syarikat pada 31.10.2021. Syarikat tidak bersetuju dengan taksiran tambahan tersebut tetapi tidak mengemukakan Borang Q dalam tempoh yang ditetapkan iaitu, tidak lewat dari tiga puluh (30) hari selepas notis taksiran diserahkan, iaitu pada 30.11.2021.

Syarikat QRS Sdn Bhd boleh mengemukakan permohonan lanjutan masa untuk merayu melalui Borang N bagi TT 2020 selewat-lewatnya 30.11.2028, iaitu dalam tempoh 7 tahun dari tempoh 30 hari selepas tarikh notis taksiran diserahkan. Walau bagaimanapun, tiada had masa diperuntukkan untuk Syarikat QRS Sdn Bhd memfailkan permohonan lanjutan masa untuk merayu melalui Borang N bagi TT 2019.

- 9.4 Borang N hendaklah dihantar ke cawangan LHDNM yang mengendalikan fail cukai pendapatan perayu. Perayu hendaklah mengemukakan dua (2) salinan Borang N bagi suatu TT dan memastikan sekurang-kurangnya satu (1) salinan Borang N asal manakala satu (1) salinan lagi boleh difotokopi. Borang N boleh dimuat turun dan dicetak daripada laman web LHDNM.

- 9.5 Jika permohonan lanjutan masa diluluskan, LHDNM akan mengeluarkan Borang CP15A untuk memaklumkan perayu tarikh lanjutan baru penyerahan Borang Q, iaitu tiga puluh (30) hari dari tarikh CP15A.
- 9.6 Sekiranya lanjutan masa tidak dibenarkan, Borang N bersama-sama dengan kenyataan alasan penolakan oleh KPHDN (Borang CP15B) akan dikemukakan kepada PKCP. Apabila Borang N dan kenyataan alasan tersebut dikemukakan kepada PKCP, KPHDN akan memaklumkan kepada perayu secara bertulis dan akan mengemukakan sesalinan kenyataan alasan tersebut.
- 9.7 Dalam tempoh dua puluh satu (21) hari selepas menerima pemberitahuan, perayu boleh mengemukakan kepada PKCP ulasan atau hujahnya secara bertulis berhubung permohonannya dan kenyataan alasan KPHDN.
- 9.8 Sekiranya PKCP bersetuju membenarkan lanjutan masa, PKCP akan memaklumkan perayu dan KPHDN dan menyatakan tarikh Borang Q perlu dikemukakan.
- 9.9 Sekiranya permohonan lanjutan masa ditolak, perayu dan KPHDN akan dimaklumkan oleh PKCP.
- 9.10 Keputusan PKCP untuk bersetuju membenarkan lanjutan masa atau menolak permohonan adalah muktamad dan kedua-dua pihak sama ada perayu dan KPHDN adalah tidak berhak untuk membuat rayuan terhadap keputusan tersebut.

10. Semakan Semula Taksiran

- 10.1 Semakan semula taksiran adalah dalam tempoh masa dua belas (12) bulan daripada tarikh penerimaan notis rayuan. Menteri Kewangan boleh melanjutkan tempoh tersebut kepada satu tempoh tidak lebih daripada enam (6) bulan jika KPHDN memerlukan masa yang lebih panjang untuk membuat semakan.
- 10.2 Bagi tujuan semakan semula taksiran oleh KPHDN, perayu mungkin dikehendaki untuk:
 - 10.2.1 mengemukakan maklumat lanjut atau menunjukkan buku akaun, rekod atau dokumen lain yang berkaitan dengan suatu taksiran; dan
 - 10.2.2 hadir sendiri atau diwakili oleh orang lain untuk memberi keterangan (secara bersumpah jika perlu).
- 10.3 Hasil daripada semakan semula tersebut, cadangan boleh dibuat kepada perayu untuk menyelesaikan rayuan dengan mengesahkan, mengurangkan, menaikkan atau melepaskan taksiran.

10.4 Jika didapati bahawa persetujuan tidak dapat dicapai, rayuan akan dikemukakan kepada PKCP.

11. Penyelesaian Rayuan di Peringkat LHDNM

11.1 Perayu akan diberi pemakluman secara bertulis apabila Borang Q dikemukakan kepada PKCP.

11.2 Sebelum perbicaraan rayuan di hadapan PKCP selesai, perayu dan KPHDN masih boleh berunding sama ada untuk mencapai persetujuan atau menarik balik rayuan.

12. Perwakilan

Perayu boleh diwakili oleh seorang peguam yang bertauliah dan / atau seorang ejen cukai yang dilantik di bawah seksyen 153 ACP semasa perbicaraan Borang Q di peringkat PKCP dan mahkamah.

13. Semakan Taksiran Melalui Permohonan Relif

13.1 Relif di bawah Seksyen 131 ACP - Berkenaan Kesilapan atau Khilaf

13.1.1 Selain daripada rayuan di bawah seksyen 99 ACP, seorang pembayar cukai boleh membuat permohonan relif di bawah seksyen 131 ACP berkenaan kesilapan atau khilaf dalam BNCP yang dibuat olehnya. Penentuan sama ada pembayar cukai telah melakukan kesilapan atau khilaf merupakan persoalan fakta dan undang-undang.

13.1.2 Definisi bagi kesilapan atau khilaf tidak diperuntukkan dalam ACP. Oleh itu, maksud kesilapan atau khilaf adalah ditafsir dengan merujuk maksud dari sudut bahasa atau daripada kes-kes duluan.

13.1.3 Maksud kesilapan atau khilaf dari sudut bahasa adalah seperti berikut:

- (a) perbuatan yang tidak disengajakan, peninggalan atau kesilapan yang timbul daripada kejahilan, fakta yang mengejutkan, pengenaan atau keyakinan yang tidak kena pada tempatnya;
- (b) kepercayaan dalam kewujudan sesuatu perkara yang tidak wujud atau kejahilan tentang sesuatu perkara yang berkaitan, atau kedua-duanya;
- (c) kesilapan, salah faham dan kepercayaan yang salah.

13.1.4 Maksud kesilapan atau khilaf daripada kes-kes duluan dapat diringkaskan seperti berikut:

- (a) kesilapan atau peninggalan seperti kegagalan untuk menuntut satu perbelanjaan yang dibenarkan;
- (b) kesilapan atau peninggalan seperti kesilapan pengiraan atau aritmetik;
- (c) kesilapan yang timbul daripada salah faham undang-undang;
- (d) kenyataan fakta yang salah; atau
- (e) peninggalan maklumat secara tidak sengaja.

13.1.5 Antara contoh berlakunya kesilapan atau khilaf semasa pengemukaan BNCP adalah:

- (a) jumlah pendapatan dilaporkan di ruangan pendapatan;
- (b) pendapatan TT sebelum dimasukkan ke dalam TT semasa;
- (c) tertinggal tuntutan relif di bawah seksyen 45 hingga 49 ACP seperti insurans, anak, pembelian buku, faedah pinjamam perumahan dan sebagainya; atau
- (d) tidak menuntut potongan dan rebat seperti pelepasan cukai individu, zakat, derma yang diluluskan, levi dan sebagainya.

13.1.6 Beban pembuktian terdapatnya kesilapan atau khilaf adalah terletak di pihak pembayar cukai. KPHDN hanya akan menyemak semula taksiran sekiranya dia berpuas hati bahawa pembayar cukai telah melakukan kesilapan atau khilaf dalam BNCP atau pernyataan yang dibuat olehnya bagi tujuan ACP yang dikemukakan kepada KPHDN.

13.1.7 Syarat-syarat berkaitan permohonan relif di bawah subseksyen 131(1) dan (4) ACP adalah:

- (a) Permohonan relif tidak akan dipertimbangkan sekiranya BNCP yang dikemukakan selari dengan pendirian, ketetapan dan amalan KPHDN yang terdapat pada masa taksiran itu dibuat.
- (b) Pembayar cukai hendaklah membayar kesemua cukai yang mana taksiran telah dibuat bagi TT berkenaan.
- (c) Pembayar cukai perlu membuat permohonan bertulis melalui surat atau Borang CP15C kepada KPHDN dalam tempoh masa lima (5) tahun selepas berakhirnya TT di mana taksiran disifatkan.

Contoh 13

Maria mengemukakan BNCP bagi TT 2019 pada 30.4.2020. Pada 15.8.2020, Maria menyedari beliau terlupa menuntut potongan bagi pembelian buku berjumlah RM920.00 yang telah dilakukan dalam tahun 2019. Maria boleh mengemukakan permohonan relif tidak lewat dari 31.12.2025.

Contoh 14

Aman Harmoni Sdn Bhd telah mengemukakan BNCP bagi TT 2019 pada 30.6.2020. Oleh kerana BNCP tersebut dikemukakan tanpa tuntutan elaun modal, syarikat ingin membuat pindaan kepada pengiraan cukai bagi TT 2019. Aman Harmoni Sdn Bhd boleh mengemukakan permohonan relif di bawah seksyen 131 ACP tidak lewat dari 31.12.2025.

13.2 Relif di bawah Seksyen 131A ACP - Selain daripada Berkenaan Kesilapan atau Khilaf

13.2.1 Seorang pembayar cukai boleh membuat permohonan secara bertulis kepada KPHDN berkenaan relif selain daripada berkenaan kesilapan atau khilaf dalam BNCP yang dibuat olehnya.

13.2.2 Syarat-syarat bagi permohonan relif ini adalah:

- (a) Pembayar cukai hendaklah mengemukakan BNCP mengikut subseksyen 77(1) atau 77A(1) ACP.
- (b) Pembayar cukai hendaklah membayar kesemua cukai yang telah dibuat bagi TT berkenaan.

13.2.3 Permohonan relif bagi kes selain daripada berkenaan kesilapan atau khilaf adalah dibenarkan bagi keadaan berikut:

- (a) apa-apa pengecualian, relif, penghapusan (*remission*), elaun atau potongan di bawah ACP atau mana-mana undang-undang bertulis yang telah diwartakan selepas TT yang mana BNCP telah dikemukakan;
- (b) kelulusan untuk apa-apa pengecualian, relif, penghapusan (*remission*), elaun atau potongan diperolehi selepas TT yang mana BNCP telah dikemukakan; atau
- (c) tuntutan yang tidak dibenarkan ke atas bayaran yang belum boleh dibayar di bawah subseksyen 107A(2) atau 109(2), seksyen

109A, atau subseksyen 109B(2) atau 109F(2) ACP pada tarikh BNCP dikemukakan.

13.2.4 Tempoh masa bagi permohonan relif ini adalah seperti berikut:

- (a) bagi subperenggan 13.2.3(a) dan (b), dalam tempoh lima (5) tahun selepas berakhir tahun yang mana pengecualian, relif, penghapusan (*remission*), elaun atau potongan tersebut diterbitkan di dalam Warta, atau kelulusan diperolehi, yang mana terkemudian; dan
- (b) bagi subperenggan 13.2.3(c), dalam tempoh satu (1) tahun selepas berakhir tahun yang mana bayaran dibuat.

Contoh 15

Syarikat Muhibbah Jaya Sdn Bhd menutup akaun kewangannya pada 31 Disember setiap tahun. Syarikat telah memohon taraf perintis dan surat kelulusan diperolehi pada 15.10.2019 bagi tempoh 5 tahun bermula 1.4.2017 sehingga 31.3.2022. Syarikat telah mengemukakan BNCP bagi TT 2017 pada 29.7.2018. Oleh sebab BNCP tersebut dikemukakan tanpa tuntutan taraf perintis, syarikat ingin membuat pindaan kepada pengiraan cukai bagi TT 2017. Permohonan untuk relif di bawah seksyen 131A ACP boleh dikemukakan kepada LHDNM sebelum 31.12.2024.

Contoh 16

Resipi Jenderam Sdn Bhd yang menutup akaun kewangannya pada 31 Disember setiap tahun tidak menuntut perbelanjaan royalti yang kena dibayar kepada Sedap Recipe Ltd. bagi TT 2018 kerana royalti dan cukai pegangan hanya akan dibayar pada 30.9.2019. Syarikat boleh memohon relif di bawah seksyen 131A ACP untuk membuat pindaan kepada pengiraan cukai TT 2018 sebelum 31.12.2020.

13.3 Relif di bawah Subseksyen 97A(5) ACP - Berkenaan Kes Tidak Kena Cukai

13.3.1 Seseorang yang telah mengemukakan BNCP kepada KPHDN selaras dengan peruntukan dalam subseksyen 77(1) atau 77A(1) ACP dan tiada pendapatan bercukai bagi TT tersebut boleh membuat permohonan relif secara bertulis kepada KPHDN:

- (a) untuk meminda BNCP tersebut sekiranya terdapat kesilapan atau khilaf seperti dinyatakan di subperenggan 13.1.4 dalam KU ini; atau

- (b) untuk meminda BNCP tersebut sekiranya terdapat keadaan selain daripada berkenaan kesilapan atau khilaf, seperti yang dinyatakan di subperenggan 13.2.3 dalam KU ini.

13.3.2 Tempoh masa bagi permohonan relif ini adalah seperti berikut:

- (a) bagi subperenggan 13.3.1(a), dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh BNCP dikemukakan; dan

Contoh 17

Safiq telah mengemukakan BNCP bagi TT 2018 pada 30.06.2019 dimana tiada pendapatan bercukai dilaporkan. Oleh kerana BNCP dikemukakan tanpa tuntutan derma yang dibenarkan, Safiq boleh mengemukakan permohonan relif di bawah subseksyen 97A(5) ACP kepada KPHDN sebelum 30.12.2019.

- (b) bagi subperenggan 13.3.1(b), dalam tempoh seperti yang dinyatakan dalam subperenggan 13.2.4 dalam KU ini.

Contoh 18

Syarikat MyKleen Corporation Sdn Bhd memulakan perniagaan pada 1.1.2018 menutup akaun kewangannya pada 31 Disember setiap tahun. Syarikat telah mengemukakan BNCP bagi TT 2018 pada 31.7.2019 dan tiada pendapatan bercukai dilaporkan.

Syarikat telah mengemukakan permohonan taraf perintis dan kelulusan hanya diperolehi pada 15.1.2021 bagi tempoh bermula 1.7.2018 sehingga 30.6.2023. Syarikat boleh mengemukakan permohonan relif di bawah subseksyen 97A(5) ACP kepada KPHDN untuk meminda pengiraan cukai bagi TT 2018 sebelum 31.12.2026.

14. Prosedur Permohonan Relif

- 14.1 Permohonan relif boleh dibuat sama ada melalui surat atau Borang CP15C dengan menyatakan alasan-alasan terperinci berkaitan dengan permohonan tersebut.
- 14.2 Sekiranya surat atau Borang CP15C tidak diisi dengan butiran yang betul, permohonan akan dikembalikan kepada pembayar cukai dan pembayar cukai perlu mengemukakan permohonan relif baru.
- 14.3 Sekiranya permohonan relif ini diluluskan oleh KPHDN, taksiran akan dipinda dan taksiran kekurangan akan dikeluarkan.

- 14.4 Jika permohonan relif ditolak oleh KPHDN, surat penolakan permohonan berserta alasan penolakan akan dikeluarkan kepada pembayar cukai.
- 14.5 Jika pembayar cukai tidak setuju dengan keputusan tersebut, beliau boleh meminta melalui surat kepada KPHDN untuk menghantar permohonan relif (yang telah dikemukakan sebelum ini kepada PKCP) dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh surat penolakan. KPHDN akan mengemukakan permohonan pembayar cukai kepada PKCP dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh penerimaan surat permohonan tersebut.
- 14.6 Dalam kes di mana BNCP yang disifatkan atau BNCP terpinda yang disifatkan telah dikemukakan selaras dengan pendirian, ketetapan dan amalan KPHDN yang terdapat pada masa taksiran itu dibuat, permohonan pembayar cukai untuk relif di bawah subseksyen 97A(5), seksyen 131 dan 131A ACP kerana kesilapan atau khilaf tidak boleh diterima walaupun pembayar cukai boleh membuktikan terdapat kesilapan atau khilaf melainkan kesilapan dari segi aritmetik atau pengiraan sahaja.

15. Perbandingan Layanan Rayuan dan Permohonan Relif

Rujuk Lampiran 1.

16. Kemaskini dan Pindaan

	Pindaan
KU ini menggantikan KU No.12/2017 yang dikeluarkan pada 29 Disember 2017.	Memberi penerangan berkenaan pindaan / peruntukan baru: i. Menghadkan tempoh pengemukaan permohonan lanjutan masa (Borang N) berkuatkuasa mulai TT 2020; and ii. Rayuan terhadap taksiran anggaran di bawah subseksyen 99(1A) ACP yang berkuatkuasa mulai TT 2019.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**

LAMPIRAN 1

Perbandingan antara rayuan di bawah seksyen 99 ACP dan permohonan relif di bawah seksyen 97A(5), 131 dan 131A ACP

Perkara	Rayuan Terhadap Sesuatu Taksiran di bawah Seksyen 99 ACP	Permohonan Relif di bawah Subseksyen 97A(5), Seksyen 131 dan 131A ACP
Borang Permohonan yang perlu dikemukakan	Dalam tempoh: Borang Q Luar tempoh: Borang N	Surat atau Borang CP15C
Syarat-syarat atau kelayakan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Taksiran / taksiran tambahan / taksiran pendahuluan / NPTKC yang dibuat oleh KPHDN hasil daripada penemuan audit dan siasatan; 2. Taksiran anggaran yang dibuat tanpa BNCP atau BNCP lewat dikemukakan iaitu di luar tempoh yang ditetapkan di bawah subseksyen 90(3) ACP atau taksiran anggaran di bawah subseksyen 91(1) ACP; atau 3. Taksiran disifatkan atau taksiran disifatkan untuk BNCP terpinda di mana pembayar cukai tidak bersetuju dengan layanan cukai yang dinyatakan di dalam mana-mana KU yang dikeluarkan di bawah seksyen 138 ACP atau pendirian, ketetapan dan amalan KPHDN yang berkuat kuasa pada masa taksiran dibuat. 	<p>Taksiran yang disifatkan untuk BNCP atau BNCP terpinda atau NPTKC dan pembayar cukai bersetuju dengan layanan cukai yang dinyatakan di dalam KU, atau pendirian, ketetapan dan amalan KPHDN yang terdapat pada masa BNCP itu dikemukakan.</p> <p>Permohonan relif boleh dibuat bagi taksiran yang disifatkan di bawah:</p> <ol style="list-style-type: none"> i. Seksyen 131 ACP jika berkenaan kesilapan atau khilaf. ii. Seksyen 131A ACP jika bukan berkenaan kesilapan atau khilaf <p>Bagi kes yang tidak kena cukai, permohonan relif boleh dibuat di bawah seksyen 97A(5) ACP.</p>
Bayaran cukai	Bayaran cukai perlu diselesaikan (jika ada).	Cukai telah dibayar bagi kes di bawah Seksyen 131 dan 131A ACP.